

Penduduk diarah pindah, benteng penahan air pecah

SHAH ALAM 17 Okt. - Unit Pengurusan Bencana Selangor telah mengarahkan penduduk khususnya di kawasan Batu 5, Kapar, Klang supaya berpindah ke pusat pemindahan sementara bagi mengelakkan risiko keselamatan ekoran benteng penahan air pecah awal pagi semalam.

Arahan tersebut merupakan laporan terkini perkembangan fenomena air pasang besar di Selangor yang mana semua agensi keselamatan telah menggerakkan anggota serta aset bagi memantau dan bersedia terhadap sebarang situasi di kawasan berkenaan.

Menurut Ketua Unit Pengurusan Bencana Selangor, Ahmad Fairuz Mohd. Yusof, setakat ini hanya benteng penahan air di Batu 5 dilaporkan pecah manakala kawasan berisiko yang lain di daerah Klang iaitu di Kampung Tok Muda, keadaan masih selamat dan terkawal meskipun paras air laut melimpahi benteng di empat lokasi.

"Di Kampung Tok Muda, air laut melimpah melepasi empat tempat sepanjang benteng. Walau bagaimanapun kawasan penempatan dan jalan raya

tidak dinaiki air, keadaan selamat dan terkawal.

"Selain itu di Jeti Kampung Tok Muda, tiada limpahan air laut kerana beg-beg pasir yang diletakkan di sepanjang kawasan pesisir pantai berfungsi dengan baik," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Ahmad Fairuz, situasi di daerah Sepang, Kuala Selangor dan Kuala Langat masih selamat dan terkawal pada hari ini walaupun kawasan yang dikenal pasti berisiko akibat fenomena itu dilimpahi air laut.

Katanya, kawasan benteng di Sungai Apong, Sungai Lang, Pantai Batu 23, TCG Sungai Nibong, Jalan 5 Sungai Besar, Kunci Air Utara Bagan dan Kampung Nelayan Bagan Nakhoda Omar di daerah Sabak Bernam dinaiki air, namun keadaan masih selamat dan terkawal manakala air didapati mulai surut pagi ini.

"Di daerah Kuala Selangor, kawasan Pantai Remis dan Sungai Sembilang dilimpahi air laut termasuk di kawasan Pantai Kelanang dan Morib masing-masing di daerah Kuala Langat. Walau bagaimanapun keadaan selamat dan terkawal manakala cuaca dalam keadaan baik," ujarnya.